

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
29 January 2016

Pengubahsuaian Bajet 2016 kukuhkan ekonomi negara

Pelihara kesejahteraan rakyat

Um - 29/1/2016

■ PUTRAJAYA 28 JAN.

DATUK Seri Najib Tun Razak hari ini membentangkan Pengubahsuaian Bajet 2016 yang berpaksikan kepada dua tunjang utama iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kukuh dan kesejahteraan hidup rakyat terus terpelihara.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, pengubahsuaian bajet itu merupakan langkah proaktif, telus dan realistik seiring dengan cabaran ekonomi global semasa terutamanya ekoran kejatuhan harga minyak dunia sehingga AS\$30 (RM126) setong.

Di hadapan para menteri, pegawai kanan kerajaan, peneraju industri serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Najib mengumumkan 11 langkah dalam penstrukturan dan pengubahsuaian bajet berkenaan.

Dalam pengumuman tersebut, Najib menegaskan, ekonomi negara masih utuh, berkembang dan berdaya tahan dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik.

Menerusi langkah-langkah berhemat yang dibentangkan, kerajaan dijangka dapat menjimatkan sehingga RM9 bilion perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Kerajaan, tegasnya, tidak akan berganjak daripada dasar-dasar fiskal dan monetari demi keutuhan ekonomi negara dan komited mengekalkan langkah konsolidasi fiskal tahun 2016 untuk mencapai sasaran 3.1 peratus kepada KDNK.

Sehubungan itu, kerajaan membuat keputusan menyemak semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke-



NAJIB TUN RAZAK dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi serta para menteri dan pegawai kanan kerajaan berdiri sewaktu lagu kebangsaan dimainkan sebelum sesi Pembentangan Pengubahsuaian Bajet 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. - AFP

pada 4 hingga 4.5 peratus dan andaian purata harga minyak mentah dunia sekitar AS\$30 (RM126) hingga AS\$35 (RM147) setong.

Pengubahsuaian bajet menyaksikan perbelanjaan pembangunan akan difokuskan kepada projek dan program yang mendahulukan kepentingan rakyat seperti pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya, pengangkutan awam serta keselamatan.

Selain itu, Najib turut mengumumkan langkah-langkah meningkatkan kecekapan kutipan hasil dan mengatasi masalah ketirisan terutamanya di pulau-pulau bebas cukai.

Keprihatinan Perdana Menteri terhadap kesejahteraan rakyat dapat dilihat menerusi pelbagai langkah yang diperkenalkan.

Ini termasuk mengurangkan potongan caruman pekerja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), memberi pelepasan khas cukai kepada pembayar cukai individu, meneruskan program biasiswa serta menetapkan penjualan rumah berharga bawah RM300,000 terhad kepada pembeli rumah pertama.

Langkah-langkah melindungi kebajikan golongan berpendapatan rendah juga diperkenalkan termasuk program MyBeras yang

membekalkan 20 kilogram beras kepada golongan miskin tegar dan memperluaskan Kedai Harga Rakyat.

Kepada penjawat awam, Najib memberi jaminan tiada kakitangan mahupun lantikan secara kontrak akan diberhentikan, malah kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Kenaikan Gaji Tahunan.

Sebagaimana yang dinyatakan Najib, pengubahsuaian bajet yang dilakukan adalah bukan pembentangan bajet baharu, sebaliknya, masih dalam ruang lingkup inisiatif serta peruntukan yang dituluskan oleh Parlimen bagi Bajet 2016.



Pengubahsuaian bajet itu merupakan langkah proaktif, telus dan realistik seiring dengan cabaran ekonomi global semasa terutamanya ekoran kejatuhan harga minyak dunia sehingga AS\$30 (RM126) setong."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri